

07/12/1997

Perdana Menteri pemimpin cerdas: Nik Aziz

KOTA BHARU: Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menyifatkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai pemimpin cerdas yang mempunyai hujah tersendiri dalam pelbagai perkara yang dilakukannya.

Katanya, ahli politik yang bodoh akan hanya menjadi bahan jualan kerana sering menyuarakan apa sahaja tentangan tanpa mengambil kira sama ada sesuatu perkara itu betul atau salah.

"Apa yang saya perhatikan Dr Mahathir adalah seorang pemimpin yang cerdas dengan hujahnya sendiri.

"Dia mudah `baso' (senang dibawa berbincang). Apa yang menjadi masalah ialah kita berhadapan dengan mereka yang sukar dibawa berunding," katanya.

Nik Abdul Aziz yang juga Mursyidul Am Pas menegaskan sokongannya kepada Dr Mahathir yang menolak tawaran pinjaman Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) baru-baru ini bukan kerana menyetujui segala tindakan Umno, sebaliknya berdasarkan ketegasan prinsip Perdana Menteri.

"Mana yang betul kita sokong manakala yang salah tetap ditentang. Kita menentang pinjaman IMF kerana sistem perbankan di negara ini akan menjadi alat mereka dan akhirnya kita kerja dan menjadi abdi mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Ijtimak Ulama Kelantan di Balai Islam, Lundang dekat sini, semalam.

(END)